

Manila yakin kemampuan KL

BH 26/7/03
KUALA LUMPUR: Filipina yakin Malaysia dapat menamatkan persengketaan selama 25 tahun di antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan memastikan pemeteraian perjanjian damai pada rundingan di sini akhir bulan ini, kata Speaker Parlimen Filipina, Jose de Venecia.

Sambil menyifatkan kejayaan yang bakal dicapai itu sebagai peninggalan utama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Malaysia kepada keamanan serantau khususnya di Mindanao, de Venecia berkata, Manila percaya rundingan damai itu kini memasuki peringkat akhir bagi mencapai penyelesaian muktamad.

"Kami percaya proses damai ini sudah cukup matang untuk mencapai penyelesaian berikutan sokongan bijak dan dinamik oleh Malaysia berserta sokongan Libya dan negara OIC (Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam) serta sokongan aktif Amerika.

"Kami terhutang budi kepada Perdana Menteri, Kerajaan dan rakyat Malaysia kerana kejayaan rundingan damai ini," katanya selepas membuat kunjungan hormat terhadap Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail, di Bangunan Parlimen, semalam.